

02/06/1998

Pusat, negeri miliki jalinan mantap

KERAJAAN Pusat memiliki jalinan mekanisme yang mantap dengan semua kerajaan negeri berhubung pentadbiran agama Islam serta pelbagai urusan lain yang berkaitan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata Kerajaan Pusat sentiasa mendapat kerjasama dari kerajaan negeri bagi meningkatkan syiar Islam termasuk proses pengendalian Mahkamah Syariah.

Menurutnya, mekanisme yang digunakan adalah melalui empat badan atau program iaitu Majlis Kebangsaan Hal-Ehwal Agama Islam Malaysia yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Jawatankuasa Kemajuan Hal-Ehwal Agama Islam Malaysia yang dipengerusikan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Selain itu, kita ada Jawatankuasa Teknikal Penyelarasan Undang-Undang Sivil dan Syarak serta Mesyuarat Ketua Hakim Syarie Malaysia," katanya menjawab soalan Senator Datuk Norjan Khan Bahadar.

Dr Abdul Hamid berkata, kerajaan juga sentiasa berusaha meningkatkan kecekapan pegawai syariah dengan menghantar mereka mengikut latihan dalam pelbagai aspek seperti kursus asas pentadbiran dan etika mahkamah.

Menjawab soalan tambahan Senator Datuk Mohd Zuki Kamaluddin berhubung kemungkinan melantik pembantu Hakim Mahkamah Syariah dari kalangan wanita, Dr Abdul Hamid berkata:

"Cadangan itu boleh dilaksanakan. Tetapi tanggungjawab itu terletak pada budi bicara setiap negeri sama ada mahu melantik pembantu hakim ataupun tidak."

(END)